SAMPEL PERCUMA

Skema Percubaan Sejarah STPM Sem 1 2024

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SULIT*

Jawab **empat** *soalan sahaja.*

1 Bincangkan struktur masyarakat feudal di England pada abad ke-16 dan abad ke-17. [20]

2 Bincangkan peranan pembesar dalam sistem pemerintahan beraja di negara China dari abad ke-16 hingga abad ke-20. [20]

3 Huraikan struktur organisasi pentadbiran Kerajaan Republik Ketiga (1875-1945) di Perancis. [20]

4 Sejauh manakah penyatuan Jerman pada tahun 1870 telah membawa kepada perkembangan perindustrian di negara tersebut pada abad ke-19 Masihi? [20]

5 Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan tercetus Perang Candu Kedua (1856-1860) di China. [20]

6 Perang Dingin telah membawa perubahan terhadap politik dunia pada abad ke-20. Huraikan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang releven. [20]

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEJARAH 1, STPM 2024

Soalan 1:

Bincangkan struktur masyarakat feudal di England pada abad ke-16 dan ke-17.

Pendahuluan:

Konsep feudalisme adalah satu istilah atau konsep yang terbentuk di Eropah Barat selepas kejatuhan empayar Charlemagne dan berlanjutan sehingga abad ke-14 M. Marc Bloch dalam bukunya Feudal Society, mentakrifkan istilah feudal digunakan bagi menerangkan seluruh kelakuan dan adat yang diterima dan wujud pada ketika itu serta organisasi kelas atasan yang meliputi perjanjian secara bertulis yang didominasi kekuasaan golongan atasan. Kedudukan seseorang individu dalam sistem feudal adalah mengikut sistem kelas bersusun lapis mengikut hierarki yang terikat dengan aturan yang ditetapkan oleh kerajaan atau golongan pemerintah ke atas golongan bawahan. Masyarakat feudal di England terbahagi kepada dua golongan, iaitu pemerintah dan yang diperintah. Golongan pemerintah terdiri daripada raja, bangsawan, dan knight. Manakala golongan yang diperintah ialah petani atau rakyat biasa, yang dikenali sebagai serf, serta hamba. Terdapat struktur masyarakat feudal yang tersusun dan sistematik di England pada abad ke-16 dan ke-17.

Isi-Isi Penting:

Raja

Raja mempunyai kedudukan tertinggi dalam masyarakat feudal di England pada abad ke-16 dan ke-17. Raja mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan dan bergantung kepada golongan bangsawan bagi mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan. Walaupun raja mempunyai kuasa mutlak dalam menjalankan pemerintahan, namun mereka masih tertakluk kepada undang-undang Magna Carta. Semasa pemerintahan Dinasti Tudor dan Stuart, sistem pemerintahan monarki mutlak diamalkan. Sebagai contoh, ketika pemerintahan Raja Henry VII (1485-1509) raja berkuasa mutlak terhadap rakyat dan negara**.** Walaupun raja mengamalkan sistem pemerintahan berkuasa mutlak tetapi masih berpegang kepada tradisi politik England yang telah wujud sejak Zaman Pertengahan. Kuasa mutlak raja meliputi segala aspek. Raja Henry VII mengukuhkan pemerintahan raja berkuasa mutlak dengan cara meluluskan undang-undang menentang pemakaian pakaian khas (livery)

mengekalkan tentera persendirian, dan pemakaian lambang kuasa sendiri sebagai amalan golongan bangsawan. Raja Henry juga menggunakan Majlis Diraja sebagai mahkamah yang baharu untuk menguruskan hal berkaitan harta benda dan situasi yang menganggu ketenteraman awam. Badan ini menjadi popular dan berjaya mewujudkan keamanan dan keadilan. Dengan ini jelaslah bahawa raja mempunyai kedudukan tertinggi dalam susun lapis masyarakat feudal di England, namun kuasa mutlak raja masih tertakluk kepada undang-undang Magna Carta. Pembatasan kuasa pemerintah ini memperlihatkan bahawa rakyat England pada abad ke-16 menerima idea bahawa raja dilantik atas kehendak Tuhan, tetapi rakyat England tidak dapat menerima kepercayaan bahawa Tuhan telah memberi raja-raja kuasa mutlak untuk menjalankan pemerintahan.

Golongan Bangsawan (Vassal)

Dalam susun lapis masyarakat feudal, golongan bangsawan berada di lapisan kedua. Golongan bangsawan membantu raja dalam hal ehwal pentadbiran dan menguruskan ekonomi. Raja mengurniakan gelaran kepada bangsawan seperti count, duke, baron. Golongan bangsawan menerima tanah daripada raja dan akan memerintah di tanahnya. Mereka akan mengawal penggunaan tanah, mengadakan undang-undang sendiri dalam mengawal petani atau serf yang mengusahakan tanah. Sebagai balasan pemberian tanah oleh raja, golongan bangsawan akan membayar cukai dan memberi bantuan ketenteraan kepada raja. Bagi mempertahankan kekayaan golongan bangsawan, mereka menggunakan sistem pewarisan yang dikenali sebagai sistem primogeniture. Dalam sistem primogeniture, hanya anak lelaki tertua sahaja yang boleh mewarisi harta. Tujuannya adalah untuk mengelakkan harta atau tanah yang luas dibahagi-bahagi hak miliknya. Dengan cara ini, ekonomi golongan bangsawan akan dikekalkan. Walau bagaimanapun, pada abad ke-16 dan ke- 17, kedudukan dan peranan golongan bangsawan semakin merosot sementara kedudukan raja semakin kukuh. Hal ini membolehkan raja mengawal golongan bangsawan yang semakin lemah. Raja tidak bergantung kepada golongan bangsawan untuk menjalankan pentadbiran. Raja telah melantik golongan pentadbir dan membayar gaji bagi menjamin kesetiaan mereka terhadap raja. Jelaslah bahawa

Golongan rakyat biasa

Golongan ini yang dikenali sebagai petani atau serf berada di bawah sekali dalam lapisan masyarakat feudal. Kehidupan mereka tidak bebas sepenuhnya dan tidak boleh berpindah dan berada di bawah pengawasan raja dan baron. Pekerjaan mereka adalah bercucuk tanam dan menternak binatang di atas tanah yang diperuntukkan oleh tuan tanah untuk keperluan harian dan sebagai balasan, akan memberi khidmat dengan mengerjakan tanah dan keperluan lain. Golongan petani akan dikawal sepenuhnya oleh tuan-tuan tanah. Antaranya, lord manor (institusi manor) akan melindungi petani, mendirikan mahkamah bagi membolehkan petani merayu untuk keadilan, mendirikan kilang, dan mendirikan gereja untuk penduduk kampung. Namun, kehidupan golongan petani berubah selepas berlakunya perubahan ekonomi di England. Pada abad ke- 16, banyak tanah dibuka untuk tujuan pertanian dan permintaan terhadap bahan makanan bertambah. Pertanian komersial turut dijalankan. Golongan serf kini bebas daripada tuan tanah selepas berlaku peningkatan dalam pertanian dagangan, kemunculan bandar, dan perkembangan sektor perusahaan. Tuntasnya, golongan petani sangat penting sebagai penggerak kegiatan ekonomi masyarakat feudal di England.

Golongan Hamba

Golongan yang paling rendah dalam susun lapis masyarakat feudal ialah golongan hamba.Golongan hamba mewakili satu persepuluh daripada jumlah penduduk di England dan berada di bawah golongan petani. Golongan hamba tidak memiliki tanah dan mempunyai kuasa perundangan yang terhad. Menjelang abad ke-16 dan 17 Masihi, kedudukan golongan hamba mengalami perubahan ekoran perkembangan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial di England. Golongan hamba dibebaskan oleh tuan tanah dan sebahagian besar daripada mereka berhijrah ke bandar. Mereka tidak terikat lagi kapada golongan tuan tanah.

Kesimpulan:

Sistem masyarakat feudal di England terbahagi kepada golongan pemerintah yang terdiri daripada raja dan bangsawan manakala golongan diperintah

Kesimpulan:

Kesimpulannya, pembesar-pembesar memainkan peranan membantu maharaja menjalankan pentadbiran negara. Mereka mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sistem pemerintahan monarki di China. Maharaja mengukuhkan kedudukan dengan mengawal pembesar-pembesar di wilayah. Pada Zaman Ching, wujud persaingan dalam kalangan pembesar untuk menguasai kerajaan pusat. Seterusnya, persaingan ini menjejaskan kestabilan politik dan meletakkan asas bagi keruntuhan kerajaan Ching.

Soalan 3:

Huraikan struktur organisasi pentadbiran Kerajaan Republik Ketiga (1875-1945) di Perancis.

Pendahuluan:

Kerajaan Republik Ketiga ditubuhkan di Perancis pada tahun 1875. Pemerintahan Kerajaan Republik Ketiga berlanjutan hingga Perang Dunia Kedua tamat pada tahun 1945. Struktur pemerintahan Kerajaan Republik Ketiga terdiri daripada Parlimen dan Kabinet. Parlimen terdiri daripada dua badan iaitu Dewan Senat dan Dewan Perwakilan. Setiap badan mempunyai tugas dan peranan masing-masing. Terdapat struktur organisasi pentadbiran yang sistematik sewaktu Kerajaan Republik Ketiga di Perancis.

Isi-Isi Penting:

Parlimen

Dalam pemerintahan republik di Perancis, parlimen merupakan badan perundangan tertinggi. Parlimen Perancis terdiri daripada dua badan utama iaitu Dewan Senat dan Dewan Perwakilan. Kuasa Parlimen termasuklah menggubal dan menguat kuasakan undang-undang. Bagi anggota Dewan Senat dan Dewan Perwakilan pula terlibat secara langsung dalam pemilihan Presiden.

Isi-Isi Penting:

Isi-isi wajib/utama:

Penyatuan Jerman

Faktor utama perkembangan perindustrian di Jerman ialah Penyatuan Jerman. Penyatuan ini menyebabkan wujud keseragaman daripada segi mata wang, sistem percukaian, sistem timbangan dan sistem perundangan. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan dan komunikasi diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan pusat. Perkhidmatan pos dan telegraf disatukan. Sistem perhubungan dimajukan. Jalan raya dan rangkaian landasan kereta api dapat menghubungi seluruh wilayah di negara Jerman. Malahan, selepas penyatuan Jerman, pertambahan penduduk berlaku akibat perpindahan penduduk dari luar bandar ke kawasan bandar. Pertambahan penduduk di kawasan bandar turut membantu pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman. Penyatuan Jerman juga menyebabkan sumber asli dapat dieksploitasi dengan sistematik dan optimum. Contohnya sumber asli yang banyak seperti arang batu dan bijih besi membolehkan banyak kilang-kilang perindustrian didirikan. Jadi jelaslah bahawa penyatuan Jerman ini melahirkan suasana yang amat kondusif untuk merangsang perkembangan industri di Jerman.

Isi-Isi Lain:

Pemansuhan Sistem Guild pada tahun 1871

Sistem Guild menghendaki seseorang memperolehi kemahiran daripada Guild sebelum menjalankan perdagangan. Pengalaman dalam Guild merupakan syarat wajib bagi melibatkan diri dalam perindustrian.Sistem ini menjadi penghalang kepada pertumbuhan industri Jerman sebelum tahun 1871. Pada tahun1871, kerajaan berjaya menghapuskan monopoli dan keistimewaan Guild. Dengan penghapusan Sistem Guild, perkembangan perdagangan bersemarak semula yang menggalakkan perkembangan industri Jerman.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar